

Malaysia mampu bawa usul sekat AS serang Iran

PUTRAJAYA 21 Jun - Malaysia mempunyai kemampuan untuk membawa usul menolak rancangan Amerika Syarikat (AS) untuk menyerang Iran di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan datang.

Bekas Pembantu Setiausaha Agung PBB, Dermis Halliday berkata, ini kerana Malaysia boleh meraih sokongan kuat daripada negara-negara ASEAN, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kumpulan G77.

"Malaysia sebenarnya boleh mendapatkan sokongan daripada ASEAN, NAM, OIC, G77 untuk menolak usul peperangan ke atas Iran.

"Negara anda sebenarnya sangat berk kuasa," katanya pada sidang akhbar di Forum Keamanan Global Perdana 2006 di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Beliau berkata, Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad memerlukan sokongan kerajaan seperti Malaysia yang aktif bagi menghalang peperangan daripada berlaku.